

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN YANG BERKAITAN

#### 2.1 Pengenalan

Tumpuan perbincangan di dalam bab ini adalah untuk memberi gambaran mengenai dapatan kajian-kajian yang lepas tentang tanggapan pelajar-pelajar terhadap ciri-ciri pensyarah dan guru yang berkualiti. Beberapa pengkaji telahpun melakukan kajian dalam bidang ini. Walau bagaimanapun tidak banyak kajian dilakukan untuk menyiasat ciri-ciri pensyarah maktab perguruan yang ideal.

#### 2.2 Kajian Di Dalam Negeri

Koh et al. (1991) telah membuat kajian untuk mencungkil dan menyiasat pandangan guru pelatih Diploma Pendidikan Universiti Malaya terhadap sesetengah unsur penting dalam penyeliaan latihan mengajar. Kajian ini khususnya menyiasat pandangan guru pelatih (sebelum mereka menjalani latihan mengajar) terhadap aspek-aspek penyeliaan yang berikut...

- a) ciri-ciri seorang penyelia yang ideal,
- b) siapa patut terlibat dalam penyeliaan,
- c) cara penyeliaan yang diingini,

- d) pemerhatian rakan, dan
- e) pentingnya sesetengah kemahiran mengajar.

Sampel kajian ini terdiri daripada 156 pelajar Diploma Pendidikan yang berpengkhususan dalam kaedah Bahasa Melayu. Kesemua pelajar ini berkelulusan ijazah sarjana muda sastera.

Satu soal selidik telah digunakan untuk mengumpulkan tanggapan responden. Di bawah adalah beberapa dapatan penting kajian ini.

- a) Pandangan tentang ciri-ciri penyelia yang ideal.
  - ( i) Dia seorang yang dapat memberi dorongan, nasihat dan dapat menambahkan keyakinan guru pelatih,
  - (ii) Dia dapat menunjukkan kekurangan dan memberi cadangan untuk mengatasinya,
  - (iii) Dia yang berpengalaman dalam bidang perkaedahan dan pedagogi, dan
  - (iv) Dia berpengalaman sebagai guru sekolah menengah, pengetua sekolah dan berkebolehan untuk tunjuk ajar.
- b) Siapa patut terlibat dalam penyeliaan?
  - (i) Guru pelatih berpendapat guru pelatih patut diselia oleh seorang pensyarah kursus kaedah.
  - (ii) Guru kelas dan pengetua juga berperanan dalam penyeliaan.

### Cara Penyeliaan Yang Diingini.

Guru pelatih berpendapat penyelia mesti memberi peluang kepada guru pelatih menerangkan mengapa dia menggunakan sesuatu cara mengajar dan memberitahu kepada guru pelatih tentang kedatangan beliau, dia patut membuat kritikan secara berterus terang dan mengambil kira unsur-unsur di luar kawalan guru pelatih apabila menilai pengajarannya. Walau bagaimanapun guru pelatih tidak bersetuju dengan penyelia menilai pengajaran berdasarkan rancangan pelajaran semata-mata.

### Pemerhatian Rakan-Rakan.

Guru pelatih berpendapat bahawa pemerhatian rakan adalah bermanfaat dan mengharapkan satu garis panduan disediakan untuk membantu mereka menjalankan pemerhatian rakan. Mereka juga berpendapat pemerhatian rakan tidak akan menjelaskan hubungan baik antara satu pasangan guru pelatih.

### Pentingnya Sesetengah Kemahiran Mengajar.

Guru pelatih menganggap kecekapan menyampaikan isi pelajaran dengan teratur dan jelas adalah penting. Ini diikuti kecekapan untuk mengubahsuaikan pengajaran mengikut keadaan.

Shahrir et. al. (1992) telah menjalankan kajian mengenai persepsi guru besar, guru dan jurid mengenai ciri-ciri guru yang berkualiti dalam aspek seperti berikut...

personaliti guru yang berkualiti,

- b) pengajaran guru yang berkualiti dalam...
  - (i) penggunaan masa,
  - (ii) pengurusan tingkah laku atau disiplin,
  - (iii) penyampaian isi pelajaran,
  - (iv) pengawasan pelajaran, dan
  - (v) maklum balik pengajaran.
- c) ciri-ciri personaliti guru yang berkualiti berdasarkan pandangan guru besar, guru-guru dan murid-murid,
- d) perbezaan pandangan antara guru besar, guru dan murid berdasarkan ciri-ciri personaliti guru yang berkualiti, dan
- e) perbezaan pandangan antara guru besar, guru dan murid mengenai ciri-ciri pengajaran guru yang berkualiti.

Sampel kajian ini terdiri daripada 85 orang guru besar, 176 orang guru dan 176 orang murid. Shahrir telah menggunakan satu soal selidik yang berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenalpastikan oleh Waite, Wyne, Stuck & Coop (1983) sebagai ciri-ciri guru yang unggul.

Shahrir menggunakan soal selidik ini kerana soal selidik ini mempunyai ciri-ciri yang sesuai dengan soal selidik yang dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan, Malaysia.

Di bawah adalah beberapa dapatan daripada kajian itu.

Pertama, dari segi personaliti guru, didapati kepemimpinan dan ketekunan guru mendapat kedudukan yang tinggi. Ciri-ciri guru yang suka mendenda dan garang dianggap sebagai ciri-ciri yang tidak diingini.

Kedua, dari segi pengurusan masa, guru yang berkualiti memulakan pengajarannya menepati masa dan menggunakan masa yang diperuntukkan dengan sebaik-baiknya.

Ketiga, dari segi pengurusan tingkah laku, seorang guru yang berkualiti mestilah senantiasa mengawasi tingkah laku murid dengan cekap dan mengambil tindakan tegas terhadap pelajar yang melanggar peraturan-peraturan di bilik darjah.

Keempat, dari aspek penyampaian isi pelajaran, seorang guru mestilah menyampaikan pengajarannya mengikut kebolehan pelajar.

Kelima, dari aspek pengawasan pelajaran, guru berkualiti seharusnya memberikan kerja-kerja yang berpatutan kepada pelajar-pelajarnya dan memastikan bahawa kerja-kerja itu disiapkan.

Keenam, dari aspek mendapat maklum balik pengajaran, guru yang berkualiti sepatutnya

emberikan penilaian secara formal dan tidak formal bagi menentukan kemajuan pelajarannya.

Suradi (1989) telah menyenaraikan ciri-ciri profesional yang sihat dari segi mental bagi mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan. Ciri-ciri itu meliputi perkara-perkara seperti berikut...

Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai bidang atau mata pelajaran pengkhususannya,

Kebolehan, keupayaan dan kesanggupan untuk mengajar dengan berkesan dan menguasai kemahiran berkomunikasi,

Kebolehan dan keinginan untuk memperbaiki kemahiran profesional dan sentiasa berusaha meninggikan kemahiran dengan membaca buku-buku dan jurnal-jurnal profesional, menghadiri persidangan, kursus, seminar, bengkel dan perbincangan,

Kebolehan bekerjasama dan berkongsi pengalaman dengan orang lain terutama dengan guru-guru lain,

Kebolehan menjalankan tanggungjawab secara individu,

Keupayaan memahami pelajar-pelajarnya,

- g) Pemahaman akan peranan sosialnya dan mempunyai persepsi realistik tentang harapan sosialnya,
- h) Kesanggupan menghormati profesion dan dirinya.

Secara ringkas, untuk menjadi seorang profesional dalam bidang pendidikan seseorang itu mestilah berpengetahuan, mahir dalam pengajaran dan sentiasa memperbaik dirinya dari segi kemahiran profesionalnya serta bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Lim (1980) menyiasat keberkesanan guru dari segi peranan. Peranan-peranan seorang guru ideal digambarkan melalui tanggapan kumpulan responden iaitu 40 orang murid tingkatan 5, 20 orang guru kelas tingkatan 5 dan 20 orang nazir sekolah.

Satu soal selidik telah digunakan untuk mengumpulkan tanggapan responden-responden berkenaan. Soal selidik ini mengenai 7 aspek peranan guru berkaitan dengan keberkesanan guru dalam bilik darjah. Tujuh aspek peranan guru adalah berikut..

- a) peranan asas seorang guru,
- b) peranan utama seorang guru dalam bilik darjah,
- c) peranan seorang guru di sekolah,
- d) peranan menunjukkan tingkah laku yang sesuai dalam bilik darjah,

- e) peranan mengawal disiplin dalam kelas,
- f) peranan menggunakan gaya pengajaran yang sesuai, dan
- g) peranan menonjolkan sifat peribadi seorang guru yang baik.

Koh (1982) telah membuat huraian tentang kajian yang telah dilakukan oleh Lim (1980). Pertama, mengenai peranan asas seorang guru, kebanyakan responden menganggap pengajaran nilai dan sikap sebagai satu peranan penting seorang guru. Kesemua responden mengakui pentingnya peranan guru sebagai seorang pengajar. Mereka juga bersetuju bahawa menyediakan murid-murid untuk mendapat pekerjaan baik dan status sosial adalah tugas kurang penting sekali bagi seorang guru.

Kedua, tentang peranan utama guru dalam bilik darjah, guru dan nazir sekolah mementingkan peranan guru untuk memenuhi keperluan psikologi murid-muridnya, sedangkan murid-murid terutamanya pencapaian rendah menekankan peranan guru sebagai seorang pemimpin dan perunding.

Ketiga, berkenaan dengan peranan guru di sekolah, kebanyakan responden membentuk keutamaan yang tertinggi kepada tugas guru menggunakan dengan sepenuhnya masa untuk pengajaran. Aktiviti kokurikulum diberi keutamaan kedua. Murid dan guru mementingkan tugas guru meliputi sukan dan pelajaran.

Keempat, mengenai tingkah laku guru dalam bilik darjah, semua responden mengutamakan sifat-sifat peribadi seorang guru. Murid menegaskan kecekapan pengajaran guru, tetap pengetua dan nazir sekolah menekankan peranan mengawal disiplin oleh seorang guru.

Kelima, semua responden mementingkan kebolehan guru untuk memikat perhatian murid dan mendorong berperangai baik. Pengetua dan nazir sekolah mengutamakan tugas guru untuk mengawal kelas dan memuji tingkah laku baik muridnya.

Keenam, responden memberi keutamaan yang tertinggi kepada kebolehan guru untuk menyampaikan pelajarannya dengan jelas, dan satu aspek kebolehan ini ialah dia dapat menghurai sesuatu dalam bahasa yang mudah dan terang. Pengetua lebih mengambil peranan seorang guru untuk menyemak kerja murid-murid dengan bersungguh-sungguh.

Ketujuh, responden memberi nilai tertinggi kepada sifat rajin dan keazaman seorang guru. Satu sifat guru yang dipersetujui oleh semua guru ialah sifat bergurau.

Bagi Lee (1993), untuk menjadi seorang guru yang berjaya, seseorang itu mestilah memiliki dua kelayakan seperti berikut...

- a) mengetahui dengan mendalam tentang apa yang hendak diajar, dan
- b) boleh mengajarnya dengan baik.

Oleh itu, seseorang guru itu mestilah mempunyai sifat-sifat peribadi yang murni, cuku

berpengetahuan dalam kursus yang diajar dan menguasai teknik pengajaran yang berkesan dalam penyampaian sesuatu pelajaran. Seseorang guru itu berjiwa keguruan jika beliau mempunyai ciri-ciri tersebut.

Untuk menjadi seorang guru yang cekap pula, seseorang guru mestilah mempunyai ciri-ciri berikut...

- a) lebih menegaskan tujuan (ends) daripada cara (means),
- b) lebih berhati-hati tentang kesan kelakuan diri sendiri ke atas diri pelajar daripada mengawal kelakuan mereka mengikut kehendak pemerhati luar,
- c) minat terhadap pencapaian pelajar,
- d) mengetahui secara mendalam mata pelajaran yang diajar,
- e) memberikan perhatian berat terhadap para pelajar dan menghormati mereka, dan
- f) mampu membuat keputusan secara bijak dan cermat.

Secara ringkas, seorang guru yang cekap dan berkesan dapat menyampaikan is pengajarannya dengan terang dan mempunyai minat terhadap para pelajarnya.

## 2.3 Kajian Di Luar Negeri

Campbell (1967) pula mengkaji peranan guru dalam mendorong para pelajar untuk mencapai kejayaan. Beliau mengkaji 12 buah kelas sekolah rendah dan para pelajarnya terdiri daripada pelajar berumur 9 tahun hingga 12 tahun. Sebanyak 395 orang pelajar telah dikaji. Beliau mendapati guru yang berjaya mempunyai sikap yang mesra dengan para pelajar, mempunyai hubungan yang rapat dengan para pelajar dan boleh menolong menyelesaikan masalah para pelajar. Guru yang kurang berkesan ialah guru yang terlalu mengawal dan kurang mesra dengan para pelajarnya. Guru-guru ini lebih suka memberi arahan dan menyelia. Apabila guru ini menilai, dia akan menyindir dan tidak mengeluarkan kata-kata yang mesra, konstruktif dan merangsangkan.

Mengikut Fleming (1969), ada beberapa ciri yang perlu ada pada seseorang guru untuk menjadikannya seorang pendidik yang berjaya. Di antara ciri-cirinya ialah...

- a) seseorang pendidik faham tentang ciri-ciri motivasi. Dia sentiasa membaca kajian-kajian tentang motivasi dan sifat-sifat semula jadi manusia,
- b) seseorang pendidik berperanan sebagai penggalak kepada pemelajaran. Dia mesti tahu teori integrasi dan teori bidang serta berpengetahuan tentang penentu-penentu sosial dan penentu-penentu individu,
- c) seseorang pendidik sebagai pemerhati kepada pertumbuhan pelajar. Dia mempunya pengetahuan tentang pertumbuhan dan pembangunan manusia, delikensi dar

kelembapan serta memahami pelajar-pelajar di dalam situasi bilik darjah,

- d) seseorang pendidik sebagai juru teknik dalam pengajaran. Dia mempunyai keboleha menjalankan ujian kecerdasan dan menilai personaliti pelajar-pelajarnya,
- e) seseorang ahli eksperimen. Dia sentiasa membaca hasil-hasil penyelidikan da melakukan uji kaji dengan mencuba sesuatu inovasi dalam pengajarannya, dan
- f) seseorang pentadbir dan terapis. Dia boleh mentadbir kelas dengan bertanggungjawal Dia juga mahir menggunakan sumber komuniti dan memilih teknik pengajaran yan sesuai dengan keadaan. Selain itu, dia boleh berkomunikasi dengan efekt menegaskan kerja kumpulan dan menanam nilai dan perasaan kekitaan dalam ker kumpulan.

Kesimpulan daripada dapatan Flemings, kita dapat seseorang guru mestila melengkapkan dirinya dengan teori-teori psikologi dan sosiologi untuk menjadi seorang guru yang berjaya.

Wotruba dan Wright (1975) telah membuat kesimpulan daripada 21 kajian mengen kualiti pengajaran yang baik. Hasilnya ciri-ciri yang sering diketengahkan ialah...

- a) pensyarah mempunyai kemahiran berkomunikasi agar dapat menginterpretasi ide dan teori yang abstrak,

- b) sikap yang baik terhadap pelajar,
- c) pengetahuan tentang subjek yang diajar,
- d) organisasi yang baik terhadap bidang kursus yang dikendalikan,
- e) minat terhadap bidang yang diajar,
- f) adil dalam pemberian markah,
- g) fleksibel dan sedia mencuba sesuatu yang baru,
- h) sentiasa memberi ransangan agar pelajar sentiasa berfikir, dan
- i) boleh bertutur dengan lancar supaya dapat menarik perhatian pelajar.

Mengikut Prichard (1975) prinsip utama yang mesti ada pada seseorang guru di dalam bilik darjah ialah 'pandangan serampang dua mata'. Ini bermaksud guru itu mesti mempunyai dua pandangan di dalam bilik darjah dan satu lagi di dunia luar. Kemampuan membolehkan guru itu menghidupkan subjek yang diajarkannya. Pelajar-pelajar guru tersebut akan dapat memahami idea yang ingin disampaikan dengan lebih senang. Tambahan pula guru itu mempunyai kebolehan mengajar konsep dan teori dengan terang serta menjadik pemelajaran teori dan konsep itu bermakna dan sesuai kepada para pelajar di dalam kelas.

Kajian tentang pengajaran yang berkesan telah dijalankan oleh Universiti San Diego (Scheck dan Bazio, 1977). Kajian itu mengenalpasti 5 ciri penting yang mesti ada pada seseorang pensyarah mengikut pendapat para pelajar. Ciri-ciri itu adalah seperti berikut..

- a) Pensyarah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang yang diajar,
- b) Pensyarah mempunyai minat terhadap bidang yang diajar,
- c) Pensyarah menunjukkan minat yang ikhlas terhadap pelajar-pelajarnya,
- d) Pensyarah boleh menarik minat pelajar dan boleh membentang bahan yang diajarkan sesuai dengan keperluan pelajar, dan
- e) Pensyarah yang ikhlas dan tidak berpura-pura.

Freeman (1994) telah mengkaji 153 orang pelajar (89 orang wanita dan 64 orang lelaki) di Universiti Ohio, Wesleyan. Mereka berumur di antara 18 tahun hingga 22 tahun. Dalam kajiannya, Freeman mengkaji tentang hubungan pensyarah yang berkesan berdasarkan jantir pensyarah. Hasil kajiannya mendapati sifat pensyarah adalah lebih penting daripada jantir pensyarah itu sendiri. Para pelajar bukan sahaja mementingkan seorang pensyarah yang tegas dan bertenaga tetapi juga dia mempunyai sifat penyayang dan sensitif. Para pelajar tidak memberi penekanan terhadap seorang pensyarah dari segi jantina. Jadi, dalam kajian ini, didapati bahawa jantina seseorang pensyarah tidaklah penting apabila dikaji keberkesan pengajarannya. Pensyarah lelaki dan wanita mesti memiliki sifat-sifat peribadi yang penyayang

tetapi tegas untuk menjadi seorang pensyarah yang berkesan.

Warwick et. al. (1994) telah membuat kajian tentang perhubungan antara jantina guru dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah di Pakistan. Tiga soalan utama telah dikemukakan iaitu...

- a) Adakah jantina guru mempunyai hubungan dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar?
- b) Jika terdapatnya perhubungan, adakah ia berkaitan dengan jantina guru atau perkara-perkara lain yang mempunyai perkaitan dengan jantina?
- c) Jika terdapat hubungan di antara jantina guru dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar, sejauh manakah hal ini unik di Pakistan?

Sampel adalah terdiri daripada 500 buah sekolah kerajaan, 1,000 orang guru, 11,000 orang pelajar darjah 4 dan 5 serta 300 orang penyelia di Pakistan. Di Pakistan, lebih empat puluh tujuh peratus sekolah terdiri daripada pelajar lelaki sahaja, 28 peratus sekolah pula terdiri daripada pelajar perempuan sahaja manakala 25 peratus sekolah adalah campuran pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa jantina guru mempunyai pengaruh terhadap pencapaian matematik para pelajar. Sekolah yang terdiri daripada pelajar lelaki dan guru-gurunya terdiri daripada guru lelaki mempunyai pencapaian yang lebih tinggi daripada sekolah

yang terdiri daripada pelajar perempuan sahaja. Kerajaan Pakistan menempatkan guru lelaki di sekolah yang terdiri daripada pelajar lelaki dan guru perempuan di sekolah yang terdiri daripada pelajar perempuan.

Kajian ini juga mendapati guru lelaki lebih diminati oleh pelajar-pelajar di sekolah di luar bandar. Di luar bandar, guru lelaki didapati lebih sesuai mengajar matematik daripada guru perempuan. Tetapi di bandar, tidak terdapatnya perhubungan yang jelas di antara jantina guru dengan pencapaian matematik pelajar. Hal ini boleh dijelaskan. Guru perempuan di luar bandar menghadapi berbagai-bagai masalah seperti tempat kediaman, masalah latihan perguruan dan masalah peribadi. Hal-hal ini dan faktor persekitaran yang negatif mengakibatkan mereka sukar mengajar matematik di luar bandar.

Keadaan sosial di Pakistan berbeza dengan negara-negara lain yang lebih liberal. Keadaan sosial memberi tekanan kepada guru perempuan untuk berdikari. Ini akan mengganggu pengajarannya dan mereka memilih untuk berpindah ke bandar. Jadi, faktor jantina sendiri bukanlah faktor yang mempengaruhi secara langsung pencapaian di kalangan pelajar.

Seorang guru yang cekap dapat memperbaiki proses pembelajaran di dalam kelas dengan pendidikan para pelajar. Seorang guru yang boleh membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah satu perkara penting untuk memperbaiki proses pendidikan. Di dalam kelas guru dianggap sebagai pemimpin dan pelajar sebagai pengikut. Jadi Yin (1994) telah menggambarkan keadaan di dalam kelas dari konsep tingkah laku organisasi iaitu gaya kepemimpinan penggunaan kuasa oleh pendidik dan iklim sosial (sosial climate).

Kajian ini ingin melihat hubungan gaya kepemimpinan guru dan persekitaran di dalam kelas dengan pencapaian para pelajar. Kajian ini dijalankan dengan cara survey dan sampelnya terdiri daripada 21,622 orang pelajar sekolah rendah di Hong Kong.

Hasil kajian ini mendapati gaya kepemimpinan guru kelas dan penggunaan kuasa mempunyai hubungan dengan proses pembelajaran para pelajar. Kajian ini mengesyorkan agar mewujudkan persekitaran yang kondusif agar proses pembelajaran boleh dijalankan secara berkesan, guru mestilah menekankan 'kuasa kepakaran' (expert power) dan 'kuasa personaliti' (personal power). Guru kelas mestilah mengelakkan diri daripada menggunakan 'kuasa paksaan' (coercive power), 'kuasa posisi' (position power) dan 'kuasa ganjaran' (reward power).

Kajian Yin menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan guru boleh membawa kesan kepada proses pembelajaran dan pendidikan yang cekap.

Seorang pendidik mestilah pandai dan cekap mengorganisasikan bilik darjah. Kecekapan ini akan mempengaruhi tingkah laku dan motivasi para pelajar. Wheeler (1994) telah mengambil sampel seramai 30 orang pelajar sekolah rendah dan seorang guru yang berpengalaman dan sedia mengajar dengan menggunakan berbagai-bagai kaeda pengajaran.

Para pelajar mengikuti pelajaran seperti biasa tanpa mengubah tempat duduk asal dan susunan kelas yang sedia ada. Mereka telah diperhatikan selepas beberapa hari. Mereka diberi peluang untuk menilai kedudukan mereka di dalam kelas dan susunan di dalam kelas.

Mereka memberikan pendapat tentang ciri-ciri kebaikan dan keburukannya.

Dua minggu kemudian, kedudukan dan susunan kelas ini telah diubahsuaikan mengikuti pendapat dan pandangan pelajar (seperti mengambilkira kesenangan pergerakan mereka, kedudukan buku-buku, kedudukan kerusi dan meja).

Pengkaji kemudiannya membuat pemerhatian terhadap interaksi para pelajar dalam situasi dan sistem yang baru. Keputusannya, seseorang guru yang tidak cekap mengorganisasikan bilik darjah akan mengakibatkan konflik. Bagaimanapun, setelah kedudukan dan susunan dalam kelas diubahsuaikan terdapatnya perubahan tingkah laku pelajar iaitu para pelajar menjadi lebih cekap, memberi komen yang positif terhadap tanggungjawab, sedia melakukan tugas yang diberi oleh guru dan boleh bekerja secara berkumpulan.

Seseorang pendidik mestilah bijak mengorganisasi dan menyusun kelas untuk menjadikan seorang pendidik yang berjaya. Pendapat para pelajar mesti diambilkira untuk merangsa pemelajaran di dalam kelas. Pendidik mestilah sentiasa sensitif terhadap keperluan para pelajarnya.

Seorang pendidik yang bersifat penyayang boleh meningkatkan pertumbuhan emosi dan intelek para pelajar. Hayes (1994) telah membuat kajian untuk mengenal pasti tingkah laku guru yang dianggap penyayang. Kajian beliau adalah untuk mengenal pasti...

- a) tingkah laku yang dianggap penyayang oleh para pelajar,

- b) mendapatkan pengertian para pelajar tentang konsep penyayang melalui instrumen etnografi, dan
- c) perbezaan maklum balas dari segi faktor demografi.

Sampelnya terdiri daripada para pelajar Afrika-Amerika dan Eropah-Amerika yang menuntut di sekolah bandar dan pinggir bandar. Sebanyak 208 orang pelajar telah menjana sampel. Kajian ini dijalankan dengan kaedah survey dan etnografi.

Hasilnya, kajian ini mendapati guru yang bersifat penyayang mengikut pemeringkatan adalah seperti berikut...

Pertama, guru memberi maklum balas kepada individu iaitu guru memberi tumpuan kepada pelajar walapun di luar sekolah, senang didampingi, minat akan hal ehwal pelajar atau sentiasa menolong pelajar dalam hal peribadi.

Kedua, guru membantu dan dapat memberi tumpuan kepada individu dari segi akademik

Ketiga, guru dapat memberi rangsangan kepada pelajar untuk berjaya dan dapat menimbulkan perasaan positif. Guru juga menggalakkan kejayaan, membentuk keyakinan dan merangsang pelajar agar percaya pada diri sendiri.

Keempat, guru sentiasa dapat membentuk persekitaran kelas yang tidak terlalu serius sehingga mereka boleh berlawak dan dapat menyeronokkan pemelajaran.

Kelima, guru dapat mengajar dengan baik iaitu guru dapat menjadikan pelajarannya menarik menolong pelajar dalam pelajaran, mengajar dengan berkesan serta mempunyai pengetahuan yang dalam tentang pelajaran yang diajar.

Keenam, guru dapat memberi kaunseling, nasihat, menyelesaikan masalah peribadi dan menolong para pelajar apabila mereka dalam kesusahan.

Ketujuh, guru berminat tentang semua pelajar dan sentiasa bersikap dan bertindak secara adil.

Kelapan, guru mesti mengelakkan diri daripada menggunakan kekerasan, bersorakan menengking atau biadap tetapi mestilah sentiasa bersikap tenang.

Kesembilan, guru sanggup mendengar dengan ikhlas pendapat atau masalah pelajarnya

Kesepuluh, guru dapat mengurus kelas dengan cekap dan dapat mententeramkan para pelajar yang bertindak liar.

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa seseorang pendidik yang berjaya dan disenangi dapat menggalakkan perkembangan kognitif dan mempunyai sifat-sifat penyayang.

Ringkasnya, terdapat banyak ciri yang perlu diperoleh oleh seorang pensyarah di dalam guru untuk menjadikannya berkesan dan berkualiti. Walaupun tidak mudah untuk memperoleh semua ciri ini, seorang pensyarah atau guru mestilah sentiasa bersedia melengkapkan dirin

dengan ilmu pendidikan terkini agar dia akan menjadi pendidik yang berjaya.